

# **STANDARD KURSUS ASAS (FOUNDATION)**

**2014**

Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603-7968 7002  
Faks : +603-7956 9496  
Emel : [akreditasi@mqa.gov.my](mailto:akreditasi@mqa.gov.my)  
Laman web : [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

© Agensi Kelayakan Malaysia 2014

Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

## STANDARD KURSUS ASAS (*FOUNDATION*)

### PENDAHULUAN

Panduan ini meliputi matlamat penawaran, hasil pembelajaran, reka bentuk kurikulum, kaedah penilaian, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kelayakan masuk, kredit bergraduasi dan jam beban pembelajaran dan tempoh pengajian dengan mengambil kira prinsip dan cadangan berikut:

- Kursus Asas (*Foundation*) tidak termasuk dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) tetapi MQF mendefinisikan program ini dan menyatakan ciri-ciri generik peringkat ini supaya kebolehan pelajar yang memasuki universiti diselaraskan dan boleh dibandingkan.
- Menurut MQF (halaman 8) ciri-ciri generik yang menggambarkan kebolehan (kompetensi) pelajar Kursus Asas (*Foundation*) adalah sijil ini dianugerahkan kepada pelajar yang:
  - a) Menunjukkan pengetahuan dan kefahaman dalam bidang pengajian yang merupakan lanjutan daripada tahap sekolah menengah seperti yang terdapat dalam buku teks lanjutan;
  - b) Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk mengenalpasti dan menggunakan data bagi memberi respons yang jelas kepada masalah konkrit dan kompleks;
  - c) Berkomunikasi dan menjelaskan kefahaman dan kemahiran kepada rakan dan penyelia; dan
  - d) Menunjukkan kemahiran untuk meneruskan pengajian tinggi.
- Sistem kredit MQF boleh digunakan bagi pengiraan kredit Kursus Asas (*Foundation*), iaitu yang menyatakan *notional credit 40 hours per credit*. Dengan itu, 1 kredit adalah bersamaan dengan 40 jam beban pembelajaran (*1 credit = 40 hours of student academic load*) yang boleh menjadi dasar perkiraan jam bergraduasi Kursus Asas (*Foundation*).
- Jam bergraduasi bagi Kursus Asas (*Foundation*) sekurang-kurangnya 50 kredit, iaitu bersamaan dengan 2000 jam beban pembelajaran dalam tempoh antara 1 hingga 2 tahun pengajian.
- Kandungan kurikulum Kursus Asas (*Foundation*) dicadangkan di antara *broadbased* dan mengkhusus mengikut keperluan universiti penerima dan sesuai dengan klasifikasi ilmu (*classification of knowledge*).

## 1.0 MATLAMAT PENAWARAN

Kursus Asas (*Foundation*) merupakan program *fast track* lepasan SPM dengan pencapaian cemerlang untuk meneruskan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF)) dalam bidang pengajian akademik dan profesional di Malaysia dan luar negara.

## 2.0 HASIL PEMBELAJARAN

Dengan merujuk kepada ciri-ciri generik yang termaktub dalam MQF, hasil pembelajaran Kursus Asas (*Foundation*) ini adalah pelajar akan dapat:

- i. menunjukkan kefahaman dalam fakta, konsep, prinsip dan proses dalam bidang yang berkaitan;
- ii. mengaplikasikan (menggunakan) prinsip-prinsip asas dalam bidang pilihan bagi mengenal pasti dan menyelesaikan masalah;
- iii. menjalankan aktiviti-aktiviti akademik seperti mengumpul maklumat, menganalisis data dan membuat kesimpulan, sama ada secara kumpulan atau individu;
- iv. menunjukkan kecekapan berkomunikasi secara lisan dan penulisan;
- v. menunjukkan kecekapan mencari maklumat dan kemahiran sendiri pada tahap ini bagi pembelajaran sepanjang hayat.

## 3.0 REKA BENTUK KURIKULUM

3.1 Reka bentuk kurikulum Kursus Asas (*Foundation*) dicadang digubal dengan komposisi kandungan yang terdiri daripada mata pelajaran atau kursus-kursus wajib institusi dan mata pelajaran atau kursus teras seperti berikut:

3.1.1 Wajib institusi: 10-30% seperti *English*, *Jatidiri*, *Kenegaraan* dan *Pembinaan Sahsiah Diri*.

3.1.2 Teras: 70-90% terutama aliran seperti *Sains Hayat* dan *Sains Fizikal* dan lain-lain yang berkaitan.

3.2 Kurikulum Kursus Asas (*Foundation*) yang digubal perlu memfokuskan kepada persediaan mengikuti Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF). Contoh reka bentuk kurikulum adalah seperti di **LAMPIRAN**.

#### 4.0 KAEDAH PENILAIAN

- 4.1 Penilaian Kursus Asas (*Foundation*) terdiri daripada dua bahagian, iaitu penilaian berterusan (formatif) dan peperiksaan akhir (sumatif) seperti yang berikut:
- i. Penilaian berterusan tidak melebihi 50% dalam bentuk:
    - a) kuiz
    - b) ujian/ujian amali
    - c) pembentangan
    - d) projek/penyelidikan/laporan
    - e) portfolio
  - ii. Peperiksaan akhir tidak kurang daripada 50%
- 4.2 Kaedah-kaedah penilaian lain yang bersesuaian. Kaedah tersebut hendaklah yang dapat membantu pencapaian hasil pembelajaran terutama bagi hasil pembelajaran yang memerlukan pemerhatian dan tidak boleh diuji dalam peperiksaan seperti kemahiran makmal/saintifik (*lab/scientific skills*).

#### 5.0 KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- 5.1 Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah seperti contoh di bawah:
- a) Kuliah
  - b) Tutorial/Perbincangan
  - c) Praktikal/Amali
- 5.2 Kaedah pengajaran dan pembelajaran lain yang digunakan contohnya *Problem Based Learning* (PBL) hendaklah dapat membantu pencapaian hasil pembelajaran.

#### 6.0 KELAYAKAN MASUK

- 6.1 Kelayakan masuk ke Kursus Asas (*Foundation*) adalah :
- i. Lulus SPM/ SPMV dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam 5 mata pelajaran; atau
  - ii. Lulus UEC dengan mendapat sekurang-kurangnya gred B dalam 3 mata pelajaran; atau
  - iii. Lulus *O-Level* dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam 5 mata pelajaran; atau
  - iv. Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara.

- 6.2 Kelayakan masuk bagi Kursus Asas (*Foundation*) yang mempunyai bidang pengkhususan, contohnya perubatan, kejuruteraan dan perakaunan pelajar perlu kredit mata pelajaran tambahan (contohnya Matematik, Matematik Tambahan dan Sains) di peringkat SPM/SPMV/*O-Level* atau yang diiktiraf setara dengannya tertakluk kepada keperluan bidang yang ditawarkan.

## 7.0 KREDIT BERGRADUAT DAN JAM BEBAN PEMBELAJARAN

- 7.1 Jumlah kredit bergraduat ialah minimum 50 kredit, dengan perkiraan 1 kredit bersamaan dengan 40 jam beban pembelajaran. MQF menetapkan bahawa di Malaysia 40 jam pembelajaran dinilai sebagai 1 kredit.
- 7.2 Jumlah jam bergraduat bagi Kursus Asas (*Foundation*) adalah tidak kurang daripada 50 kredit bersamaan dengan 2,000 jam beban pembelajaran. Seperti yang termaktub dalam MQF, jam beban pembelajaran meliputi kuliah, praktikal, tutorial, perbincangan kumpulan, seminar, tugas, penulisan laporan, telaah sendiri (*self-study*), pencarian maklumat, persediaan peperiksaan, menduduki peperiksaan, ko-kurikulum, kerja sukarela dan lain-lain adalah diterima pakai.
- 7.3 Jam beban pembelajaran dicadangkan termasuk ko-kurikulum sebagai wajib institusi yang terdiri daripada aktiviti sukan, badan beruniform/persatuan dan permainan mengikut perkiraan 2 jam amali selama 14 minggu = 1 kredit.

## 8.0 TEMPOH PENGAJIAN

- 8.1 Tempoh pengajian Kursus Asas (*Foundation*) ialah 1 hingga 2 tahun bagi persediaan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda boleh dilaksanakan dalam 2 atau 3 sesi/semester setahun dengan pengagihan minggu seperti berikut:
- a) 2 sesi/semester  
 $21 + 21 = 42$  minggu
  - b) 3 sesi/semester  
 $17 + 17 + 9 = 43$  minggu  
 $14 + 14 + 14 = 42$  minggu
- 8.2 Beban pembelajaran sebanyak 2,000 jam minimum (50 kredit x 40 jam beban pembelajaran pelajar) boleh meliputi tempoh pengajian 1 hingga 2 tahun bergantung kepada bagaimana tahun akademik itu disusun.

- i. Aliran Pengurusan
  - a) Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu
  - b) Matematik

Pilih 2 daripada mata pelajaran berikut:

  - a) Perakaunan
  - b) Ekonomi
  - c) Pengurusan Perniagaan
- ii. Aliran Sains dan Sains Ikhtisas
  - a) Bahasa Inggeris dan / atau Bahasa Melayu
  - b) Matematik
  - c) Fizik dan / atau Kimia dan / atau Biologi
  - d) Teknologi Maklumat
- iii. Aliran Undang-Undang
  - a) Bahasa Inggeris dan / atau Bahasa Melayu
  - b) *Human Communication*
  - c) *Library and Information Skills*
  - d) Pengenalan Kepada Undang-Undang
  - e) Pengenalan Kepada Sejarah Asia
  - f) *English for Academic Purpose*
  - g) Ekonomi
  - h) Pengenalan Kepada Politik
  - i) Isu Global Semasa
- iv. Aliran Sastera dan Sains Sosial
  - a) Pengajian Am
  - b) Bahasa Melayu dan / atau Bahasa Melayu
  - c) Bahasa Tamil
  - d) Bahasa Cina
  - e) Usuluddin
  - f) Sejarah
  - g) Geografi
  - h) Ekonomi
  - i) Dan mata pelajaran lain